

Lepasan SPM dijemput sertai kursus persediaan ke Timur Tengah 10-14 Julai di UMSKAL

NST 25.5.2017 4

LABUAN: Lualan kalangan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke pelbagai institusi pengajian tinggi di Timur Tengah dipermudahkan dengan mengikuti 'Kursus Persediaan Pelajar Ke Timur Tengah' 10-14 Julai depan.

Setiausaha penganjur, Siti Nurul Aishah Abdul Hamid berkata kursus itu akan berlangsung di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 8.30 pagi hingga 4.30 petang sepanjang lima hari.

"Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada persiapan ilmu, kemahiran, mental dan fizikal untuk menghadapi kehidupan dan juga mengenali budaya masyarakat di negara timur tengah," kata Nurul Aishah.

Nurul Aishah selanjutnya menjelaskan, sepanjang kursus, peserta dapat mempraktikkan kemahiran komunikasi Bahasa Arab sebab itu peserta yang mendaftar hendaklah lulus Bahasa Arab peringkat SPM sebagai kriteria asas melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah.

Menurut Nurul Aishah, kursus anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMSKAL itu menjadualkan pelbagai tajuk yang diharap dapat mempersiapkan lepasan SPM untuk mengikuti pengajian tinggi di pelbagai institusi di Timur Tengah.

Kursus akan dibimbing oleh Pensyarah Kanan Bahasa Arab PPIB UMSKAL, Dr. Nurulasyikin Binti Muda yang memperoleh Ph.D dari Universiti Wise, Jordan.

Sebagai kos bimbingan, hidangan, nota dan sijil, yuran pendaftaran sebelum 30 Jun sebanyak RM350 manakala RM500 dikenakan kepada peserta yang mendaftar lewat.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung kepada Nurul Aishah di talian 0178137033 atau emel snaishah@ums.edu.my.